

Newspaper	Berita Harian
Date	13 June 2015

'Rakyat tidak mahu pemerintahan proksi'

BH - 13/6/2015

» **Serangan Tun M hanya kerana tuntutan peribadi tak dipenuhi**

Ramai yang bertanya, apa yang mendorong Tun Mahathir menyerang Perdana Menteri? Jawapannya adalah: beliau mahu saya meletakkan jawatan, sebagaimana beliau mahu Tun Abdullah Ahmad Badawi meletak jawatan kerana saya menolak untuk melaksanakan tuntutan peribadinya.

Saya menolak kerana ia adalah tugas saya sebagai Perdana Menteri Malaysia yang dipilih secara demokratik untuk memimpin negara ini dan melakukan apa yang saya percaya adalah baik untuk negara ini, bukan untuk seorang individu. Saya tidak percaya yang rakyat mahu seorang bekas Perdana Menteri memerintah melalui proksi.

Tun mencetuskan krisis apabila beliau secara melulu mendakwa RM42 bilion hilang daripada 1MDB dan aset kewangan syarikat, bernilai kira-kira RM16 bilion, adalah tidak bernilai. Kenyataan berkenaan adalah palsu dan menyebabkan suasana panik yang tidak sepatutnya.

Sekiranya Tun berpegang pada fakta dan menjelaskan bahawa RM42 bilion sebenarnya hutang, maka itu lain ki-

Sekalipun terus diasak dengan pelbagai dakwaan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Najib Razak tetap mempertahankan pendirian untuk terus berkhidmat sebagai Perdana Menteri atas kapasiti dipilih menerusi sistem demokrasi. Menerusi catatan dalam blog rasminya, najibrazak.com semalam, Najib menjelaskan segala serangan Tun Mahathir selama ini hanya bertujuan menjatuhkannya dengan menggunakan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebagai alasan. Berikut adalah entri penjelasan berkenaan.

sahnya. Ini adalah kerana syarikat biasanya harus mempunyai aset yang bernilai lebih tinggi sebagai cagaran terhadap hutangnya. Dalam kes 1MDB, hutang RM42 bilion disokong oleh RM51 bilion aset seperti yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan 1MDB bagi 2014. Tetapi beliau memilih untuk tidak mengendalkannya

Dakwaan palsu

Adalah salah bagi Tun membuat dakwaan palsu bahawa RM42 bilion atau RM27 bilion selepas beliau mengubah angka itu 'hilang'. Selepas 1MDB mendedahkan di mana RM42 bilion itu, Tun kemudian berkata beberapa bilion pula telah hilang. Perubahan angka dan hujah ini mencetuskan keraguan yang serius terhadap tuntutan beliau. Disebabkan beliau adalah bekas ketua kerajaan, sentimen pasaran dan rakyat telah dipengaruhi secara negatif.

Sebagai Perdana Menteri, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan bahawa semua entiti di bawah

bidang kuasa kerajaan, bukan sahaja 1MDB, ditadbir dengan baik. Atas sebab inilah saya mengarahkan Ketua Audit Negara untuk menjalankan siasatan ke atas 1MDB, dan laporan itu kemudiannya akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC) yang dwipartisan untuk penelitian telus. Jika ada pihak yang terbabit dalam salah laku, saya akan memastikan undang-undang akan dikuatkuasakan tanpa pengecualian.

“**Sebagai Perdana Menteri, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan semua entiti di bawah bidang kuasa kerajaan, bukan sahaja 1MDB, ditadbir dengan baik**”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Jika Tun benar-benar mahukan jawapan kepada soalan yang dibangkitkan, beliau hanya perlu menunggu beberapa siasatan – oleh Ketua Audit Negara, Bank Negara dan PAC – untuk membuat kesimpulan. Bagaimanapun, beliau nampaknya tidak percaya kepada institusi dan pihak berkuasa yang sah, atau berminat dengan jawapan mereka.

Serangan Tun ini pada hakikatnya tidak didorong oleh 1MDB – beliau hanya menggunakan syarikat itu sebagai alasan dan cuba menjatuhkan Perdana Menteri yang sedang berkhidmat. Jika 1MDB tidak pernah wujud, Tun akan mencari alasan lain.

Cemarkan legasi

ia memalukan apabila Tun sekali lagi, berpaling menentang kepemimpinan partinya sendiri. Serangan umum hanya akan merosakkan UMNO, kerajaan dan akhirnya Malaysia. Kelakuan tidak wajar ini akan menjadi catatan tambahan yang mencemarkan legasi beliau.

Tun mengatakan BN akan kalah dalam pilihan raya umum akan datang, tetapi sejak bilakah seorang individu mempunyai hak untuk bercakap bagi pihak yang mengundi? Pembangkang berada dalam keadaan huru-hara dan memandang perpecahan dalam ideologi asas gabungan mereka, akan berlaku kelumpuhan negara jika mereka memegang tampuk pemerintahan. Jika Barisan Nasional kekal bersatu dan membuktikan diri sebagai pemerintah terbaik bagi tahun akan datang, saya percaya rakyat akan membuktikan bahawa dakwaan Tun adalah salah, pada pilihan raya akan datang – selepas didedahkan bahawa dakwaannya itu palsu dan didorong oleh kepentingan diri sendiri, bukan kepentingan Malaysia.